



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
M A L A Y S I A

**SIARAN MEDIA**

**PEDALAMAN SABAH SUMBANG 37.5 PERATUS  
PENGELUARAN KOKO NEGARA**

1. Menteri Perladangan dan Komoditi, YB Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani telah mengadakan program Lawatan Kerja Turun Padang bersama Pekebun Kecil Koko di Kampung Liau Ulu, Keningau, Sabah. Dalam majlis tersebut, beliau turut merasmikan Kursus Teknologi Pasca Tuai dan Pemantapan Kelompok Koko dan Mini Pemprosesan Koko Kampung Liau.
2. Pada tahun 2023, Industri Koko telah menyumbang **pendapatan eksport sebanyak RM8.2 bilion**. Ini jelas menunjukkan kepentingan industri ini dalam memangkin ekonomi negara. Sehingga Mei 2024, pendapatan eksport industri koko telah mencapai RM4.8 bilion iaitu kira-kira 58% berbanding pencapaian tahun lepas.
3. Kawasan pedalaman Sabah telah menunjukkan **pencapaian pengeluaran koko** yang baik dengan menyumbang sebanyak 37.5% daripada jumlah pengeluaran koko negara. Beberapa pekebun kecil koko di kawasan ini telah berjaya mengeluarkan hasil tinggi koko sebanyak lebih 1,000 kg/hektar/tahun berbanding produktiviti nasional sebanyak 100kg/hektar/tahun. Sebahagian biji koko dari kawasan ini menjadi pilihan dan dibeli oleh pengeluar coklat *single origin* dan *beans-to-bar*.
4. Bagi **menyokong pembangunan tanaman koko di Pedalaman Sabah**, Lembaga Koko Malaysia (LKM) sedang melaksanakan beberapa program pembangunan seperti Program Pemulihan Kebun Koko, pembinaan Mini Pemprosesan Biji Koko serta menyampaikan teknologi pengurusan kebun koko melalui aplikasi teknologi IoT dan mekanisasi.

5. **Mini Pemprosesan Koko** Kampung Liau Ulu telah siap dibina dengan kos sebanyak RM70,000 dan dimanfaatkan oleh seramai 80 orang pekebun kecil koko di kawasan sekitarnya. Sasaran pengeluaran adalah sebanyak 100 tan biji koko kering dijangka mampu memberi keuntungan melebihi RM200,000 setahun berdasarkan harga masa kini.
6. Bagi meningkatkan dan menarik minat penglibatan golongan belia dalam penanaman koko, LKM juga telah mewujudkan **Kelab Belia Koko** yang mana ahli-ahli kelab akan didedahkan dengan peluang menimba ilmu dan menambah pendapatan di dalam industri koko. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan isu mengenai kekurangan tenaga kerja di sektor penanaman koko di masa hadapan.
7. Kementerian sentiasa mendukung pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh LKM dalam memastikan industri koko berdaya saing serta lebih produktif sejajar dengan sasaran yang ditetapkan dalam Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030).

**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**29 JULAI 2024**